**No. Rujukan :** UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 9 (5)

# SURAT PEKELILING KEWANGAN
# BILANGAN 5 TAHUN 2019

# PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN
# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Pejabat Bendahari**
23 Oktober 2019

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 9 (5) 23 Oktober 2019

**SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 5/2019**

**PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

## 1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (PKPU).

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Semenjak tahun 2001 hingga kini, Universiti telah mengguna pakai peraturan Kerajaan melalui Pekeliling, Surat Pekeliling dan Surat Arahan Perbendaharaan dari Kementerian Kewangan setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

2.2 Peraturan kewangan ini telah dikemas kini dan dibukukan setelah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2012 dan Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) telah diedarkan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 11/2012.

2.3 PKPU disediakan sebagai sumber rujukan asas bagi warga Universiti. Skop PKPU adalah meliputi governan bagi pengurusan kewangan Universiti, pengurusan bajet, pengurusan perolehan, pengurusan aset, pengurusan wang iaitu berkaitan pembayaran, terimaan, pembiayaan dan akaun amanah serta pelaporan terutamanya penyata kewangan Universiti. Ia juga menekankan aspek kawalan dalaman, ketelusan, keselamatan, kerahsiaan, pematuhan dan risiko.

2.4 Skop pengemaskinian PKPU ini adalah mengambil kira pindaan yang dibuat oleh Perbendaharaan dan penambahbaikan proses di UTeM. Penetapan had kuasa juga ditambah baik bagi memantapkan kuasa pihak-pihak yang menjalankan proses kewangan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj), di Pejabat Bendahari dan Pihak Berkuasa Melulus.

2.5 PKPU ini telah disediakan oleh Pejabat Bendahari dengan perbincangan bersama pegawai dari beberapa pejabat lain yang mengguna pakai peraturan kewangan bagi proses kewangan di peringkat mereka. Ia telah dibentangkan kepada ahli Majlis Eksekutif Universiti, wakil Jawatankuasa Audit Universiti dan wakil Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Krisis bagi mengambil kira pandangan pihak pengurusan Universiti sebelum dibentangkan untuk perakuan Jawatankuasa Tetap Kewangan dan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

2.6 Cadangan pengemaskinian Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti ini diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/2019 pada 11 Julai 2019 dan telah disahkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019 pada 15 Ogos 2019.

## 3.0 OBJEKTIF

3.1 Objektif Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti yang dikemas kini ini adalah untuk:

3.1.1 mengatur, menguruskan dan mengawal kewangan Universiti serta menyatakan prosedur dan arahan kewangan dan perakaunan yang terkini;

3.1.2 menjadi sumber rujukan asas dan terkini dalam pelaksanaan pengurusan kewangan dan perakaunan Universiti;

3.1.3 mempertingkatkan pengetahuan dan kecekapan staf yang menguruskan kewangan khususnya dan warga UTeM umumnya; dan

3.1.4 mengurangkan ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan.

## 4.0 RINGKASAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI

4.1 Peraturan ini merangkumi semua aspek Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti yang mengambil kira pengemaskinian serta pindaan kepada Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti yang telah dibuat pada tahun 2012 seperti berikut:

4.1.1 Bahagian Tadbir Urus Kewangan Universiti

i. Menyediakan Bab Governan yang merangkumi Manual Had Kuasa Kewangan;

ii. Menyediakan Bab Kawalan Dalaman; dan

iii. Memperincikan Bab Pemeriksaan dan Kawalan

4.1.2 Bahagian Pengurusan Bajet

i. Mengambil kira peraturan dan kaedah kawalan bajet berkaitan penyelidikan.

4.1.3 Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti

i. Mengemas kini jawatankuasa yang terlibat dengan perolehan Universiti;

ii. Memperkemaskan dasar dan prinsip yang diguna pakai;

iii. Mengemas kini proses Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Universiti;

iv. Menyediakan peraturan Perolehan Kerja Universiti;

v. Menyediakan garis panduan *Contract Coordination Panel* (CCP);

vi. Mengemas kini garis panduan perolehan perkhidmatan perunding;

vii. Mengguna pakai peraturan Perolehan Hijau Kerajaan; dan

viii. Mengemas kini garis panduan Perolehan Darurat.

4.1.4 Bahagian Pengurusan Aset Universiti

i. Mengklasifikasikan semula aset kepada dua iaitu Aset Ketara dan Aset Tak Ketara;

ii. Menyenaraikan tanggungjawab pegawai yang terlibat dengan pengurusan Aset Universiti;

iii. Mengemas kini jawatankuasa yang terlibat dalam pengurusan Aset Universiti; dan

iv. Memperincikan pengurusan Aset Ketara, Aset Tak Ketara dan Pengurusan Stor.

4.1.5 Bahagian Pengurusan Wang Universiti

i. Pengurusan Akaun Amanah

(a) Menjelaskan definisi Tabung Amanah; dan

(b) Memperincikan peraturan pendahuluan perbelanjaan awalan program.; Memperincikan syarat/peraturan bagi urusan pembayaran

ii. Memperincikan Pengurusan Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP59);

iii. Emolumen dan Elaun Lebih Masa

(a) Menjelaskan proses pembayaran emolumen termasuk caruman kepada badan berkanun; dan

(b) Menjelaskan proses pembayaran elaun lebih masa termasuk tafsiran dan tanggungjawab pegawai yang terlibat dalam proses tuntutan elaun lebih masa; dan

iv. Menjelaskan dan meminda peraturan pembiayaan

4.1.6 Bahagian Pelaburan Strategik

i. Mengambil kira pelaburan dalam komoditi; dan

ii. Mengemas kini Garis Panduan Tadbir Urus Anak Syarikat.

## 5.0 PEMAKAIAN

5.1 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universil boleh dicapai di laman web Pejabat Bendahari di menu Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti.

5.2 Dengan adanya PKPU yang dikemas kini, Pekeliling Bendahari/Kewangan dan Surat Pekeliling Bendahari/Kewangan seperti di Lampiran 1 adalah dibatalkan.

5.3 PKPU ini berkuat kuasa mulai **15 Ogos 2019.**

Sekian, harap maklum.

**"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

**KHAIRUL BIN TAIB**
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
*RA/UGP/spk pkpu*

**Lampiran 1**

**SENARAI PEKELILING BENDAHARI/KEWANGAN DAN SURAT PEKELILING BENDAHARI/ KEWANGAN YANG DIBATALKAN.**

Senarai Pekeliling Bendahari/Kewangan :

1. Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2001
2. Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2001
3. Pekeliling Bendahari Bilangan 6/2001
4. Pekeliling Bendahari Bilangan 8/2002
5. Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2003
6. Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2003
7. Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2006
8. Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2007 (KUTKM)
9. Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2007
10. Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2007 (KUTKM)
11. Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2007
12. Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2007
13. Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2008
14. Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2008
15. Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2009
16. Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2009
17. Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2009
18. Pekeliling Bendahari Bilangan 6/2009
19. Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2009
20. Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2010
21. Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2010
22. Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2010
23. Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2011
24. Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2011
25. Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2011
26. Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2011
27. Pekeliling Bendahari Bilangan 6/2011
28. Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2011
29. Pekeliling Bendahari Bilangan 8/2011
30. Pekeliling Bendahari Bilangan 9/2011
31. Pekeliling Bendahari Bilangan 10/2011
32. Pekeliling Bendahari Bilangan 11/2011
33. Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2012
34. Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2012
35. Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2012
36. Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2012
37. Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2012
38. Pekeliling Bendahari Bilangan 9/2012
39. Pekeliling Bendahari Bilangan 10/2012
40. Pekeliling Bendahari Bilangan 11/2012
41. Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2013
42. Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2013
43. Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2013

44. Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2013
45. Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2014
46. Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2014
47. Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2014
48. Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2014
49. Pekeliling Bendahari Bilangan 6/2014
50. Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2014
51. Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2015
52. Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2015
53. Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2015
54. Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2015
55. Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2015
56. Pekeliling Kewangan Bilangan 1/2016
57. Pekeliling Kewangan Bilangan 2/2016
58. Pekeliling Kewangan Bilangan 3/2016
59. Pekeliling Kewangan Bilangan 5/2016
60. Pekeliling Kewangan Bilangan 6/2016
61. Pekeliling Kewangan Bilangan 7/2016
62. Pekeliling Kewangan Bilangan 8/2016
63. Pekeliling Kewangan Bilangan 9/2016
64. Pekeliling Kewangan Bilangan 10/2016
65. Pekeliling Kewangan Bilangan 1/2017
66. Pekeliling Kewangan Bilangan 2/2017
67. Pekeliling Kewangan Bilangan 3/2017
68. Pekeliling Kewangan Bilangan 4/2017
69. Pekeliling Kewangan Bilangan 5/2017
70. Pekeliling Kewangan Bilangan 6/2017
71. Pekeliling Kewangan Bilangan 1/2018
72. Pekeliling Kewangan Bilangan 2/2018
73. Pekeliling Kewangan Bilangan 3/2018
74. Pekeliling Kewangan Bilangan 4/2018
75. Pekeliling Kewangan Bilangan 5/2018
76. Pekeliling Kewangan Bilangan 6/2018
77. Pekeliling Kewangan Bilangan 7/2018
78. Pekeliling Kewangan Bilangan 8/2018
79. Pekeliling Kewangan Bilangan 10/2018

**Lampiran 1**

Senarai Surat Pekeliling Bendahari/Kewangan :

1. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2001
2. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2002
3. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2002
4. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2002
5. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2003
6. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2004
7. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2004
8. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2004
9. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2004
10. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 8/2004
11. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 9/2004
12. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 10/2004
13. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 12/2004
14. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 13/2004
15. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 15/2004
16. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2005
17. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2006
18. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2006
19. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2006
20. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2006
21. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2006
22. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2007
23. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2007
24. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2007
25. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2007
26. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2008
27. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2008
28. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2008
29. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2008
30. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 6/2008
31. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2009
32. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2009
33. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 8/2009
34. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2010
35. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2010
36. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 6/2010
37. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2010
38. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 11/2010
39. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2011
40. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2011
41. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2011
42. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2011
43. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2011
44. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2011
45. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 8/2011
46. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 9/2011

47. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 11/2011
48. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2012
49. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2012
50. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 6/2012
51. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2012
52. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 8/2012
53. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 9/2012
54. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2013
55. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2013
56. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2013
57. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 4/2013
58. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2013
59. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 6/2013
60. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2013
61. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 8/2013
62. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 10/2013
63. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 11/2013
64. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2014
65. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2014
66. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 6/2014
67. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2014
68. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 8/2014
69. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 10/2014
70. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2015
71. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 5/2015
72. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2015
73. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 8/2015
74. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 9/2015
75. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 10/2015
76. Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 13/2015
77. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 3/2016
78. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 4/2016
79. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 5/2016
80. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 6/2016
81. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 7/2016
82. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8/2016
83. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 10/2016
84. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 2/2017
85. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 3/2017
86. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 4/2017
87. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 6/2017
88. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 7/2017
89. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8/2017
90. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 10/2017
91. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 11/2017
92. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1/2018
93. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 2/2018
94. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 5/2018

95. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 7/2018
96. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 2/2019
97. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 3/2019